

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim**

**TARIKH : 17 November 2016**

**SOALAN : Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membantu membangunkan kawasan-kawasan tanah terbiar. Di Baling terdapat kira-kira 500 hektar tanah terbiar diseluruh Parlimen Baling di bawah Jabatan Pertanian dan PPK Daerah Baling.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Terbiar mulai tahun 2007 sebagai satu inisiatif dalam membantu membangunkan kawasan-kawasan tanah terbiar berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Tanah Terbiar, selaras dengan Dasar Pertanian Negara 1, 2 & 3 dan seterusnya di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN).

Dalam hubungan itu, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah membangunkan tanah terbiar seluas 131 hektar di Daerah Baling melalui projek ini yang dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010 dengan peruntukan berjumlah RM1.8 juta. Projek tersebut melibatkan penyertaan seramai 130 orang petani yang telah berjaya mengeluarkan hasil dari tanaman seperti pisang, jagung, cili, timun, labu, petola dan nanas dengan nilai pengeluaran berjumlah RM2,216,385.75.

Bagi tahun 2017, tanah terbiar seluas 7 hektar di Daerah Baling akan dibangunkan dengan projek penanaman nanas dengan menggunakan peruntukan pembangunan Kementerian ini.